


Rindu
Ramadhan



UNTUK SEBARAN UMUM

BULETIN HUFFAZ

"Memartabatkan Al-Quran, Menjunjung Sirah
Rasulullah SAW "

Ma'had Tahfiz Ad-Daie Wal Diniah (MADANI) adalah satu pusat pembangunan kepimpinan masa hadapan yang memfokuskan kepada penguasaan Al-Quran dan Sirah berteraskan aqidah Ahlus Sunnah Wal Jama'ah.



<https://www.facebook.com/MadaniTelukIntan>



<https://www.tahfizmadani.com/>

Bil 2/2024



Update Palestin

Segmen Utama



“Rindukah Kita Pada Ramadhan?”

Ramadhan adalah bulan perasaan dan rohani, serta saat untuk menghadapkan diri kepada Allah [Imam Hassan Al Banna]

Perisai Jin & Sihir

**Bersama
Mudir**

4 Fasa Dalam
Mendepani
Ujian Hidup

**Sentuhan
Al Quran**


3 Qul Sebagai
Asas
Pembinaan
Diri [Siri 02]

**Mutiara
Sirah**

Mengukur
Iman & Cinta

**Tarbiyatul
Awwal**

Asas Dalam
Pendidikan
Anak-Anak



**Perkembangan
Tahfiz MADANI**

Tak Kenal maka Tak Cinta

Sejarah MADANI

Pada Tanggal 13 Disember 2013 melalui Surat akaun rasmi & akad mulut rasmi berlakunya proses waqaf Di Pejabat Majlis Agama Islam Perak Cawangan Teluk Intan Perak Di hadapan Ustaz Saiful Ketua pegawai Majlis Agama Islam cawangan Teluk Intan & disaksikan oleh Ustaz Abdul Latiff Ismail, Tuan Haji Rahman Yahya

iaitu suami pewaqaf(Cikgu Noraini Jaafar), Arwah Ustaz Amran pengerusi Koperasi Ihsan Negeri Perak Berhad, Ustaz Ibrahim Dari Koperasi Ihsan Negeri Perak. Pada 21 Jun 2014 telah diadakan satu Majlis pecah tanah dengan satu Majlis Makan tengahari Amal dengan pelaksanaan 27 buah khemah Yang dihadiri ribuan ahli masyarakat bagi memberi suntikan semangat bagi

memulakan kutipan Dana untuk membina bangunan utama Maahad Tahfiz Ad Daie Wal Diniyah ini

Majlis ini telah disiarkan di dalam satu ruangan surat khabar utama & juga dirakam di dalam channel youtube.

Pada Bulan September 2014 telah dimulakan pembinaan MADANI. Alhamdulillah akhirnya dapat disiapkan penghujung tahun 2017 dengan Kos 2 juta ringgit.

<https://www.youtube.com/watch?v=gNiBJ8plvys>





“
Rindukah Kita Pada
”
Ramadhan?

Ramadhan adalah bulan perasaan dan rohani,
serta saat untuk menghadapkan diri kepada
Allah [*Imam Hassan Al Banna*]

Jangan Terlepas Pandang

KEMURUNGAN DALAM KALANGAN KANAK-KANAK #depressionisreal

Menurut Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019:

424,000 kanak-kanak mengalami masalah kesihatan mental

8.8% dari luar bandar

9.5% berumur 10-15 tahun

8.4% perempuan

9.2% daripada keluarga B40



Apakah sebabnya?

42.9% masalah interaksi dengan rakan sebaya

15.9% masalah tingkah laku

8.3% masalah emosi

2.3% masalah hiperaktif

Perubahan emosi dalam kemurungan boleh ditunjukkan dalam bentuk kelakuan, perasaan/emosi/pemikiran, dan juga perubahan fizikal. Kanak-kanak yang mengalami kemurungan mungkin tunjukkan perubahan seperti kurang minat dalam aktiviti yang biasanya mereka nikmati, kerap tidak hadir ke sekolah, merasa tidak puas hati, kurang tumpuan, perubahan corak tidur atau makan dan banyak lagi.



Bersama *Mudir*
MADANI

4 Fasa Dalam Mendepani Ujian Hidup

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ ۗ

“Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri.”

(Ar Ra’du: 11)





Fasa-Fasa Dalam Mendepani Ujian

- Anggaplah ujian hidup sebagai silibus utama dalam ‘universiti kehidupan’ yang akan mengajar dan mendewasakan kita melalui pelbagai episode pengalaman.
- Namun secara fitrah, ada beberapa fasa yang akan kita tempuhi ketika mendepani setiap ujian kehidupan. Tidak mengapa kita bermula pada tahap yang rendah tetapi pastikan kita sentiasa tingkatkan diri kepada fasa yang lebih tinggi kerana itulah kunci bagi ‘Syurga Dunia’ dan syarat untuk masuk ke ‘Syurga Akhirat’.
- Ibnu Taimiyah menyebut “sesiapa yang tidak masuk syurga dunia tidak akan masuk ke syurga akhirat.” Orang bertanya apakah syurga dunia. Jawabnya “Syurga Iman”
- Iman yang benar & hidup akan menjadikan pemiliknya sentiasa sabar & tabah serta redha dengan ketentuan Allah SWT. Bahkan setiap ujian akan menjadikannya semakin hamper pada pemiliknya



1. Marah dengan ujian

- Marah atau tidak berpuashati pada ujian itu fitrah namun jangan kita anggap ianya sesuatu yang benar.
- Fitrah manusia akan mengaduh bila tersepit. Ini adalah tindakan refleksi namun kita perlu melihat dengan kaca mata iman & hamba.
- Ada yang tidak dapat mengawal perasaannya sehingga marah pada ujian dan menganggapnya tidak adil.
 - Ada yang cenderung untuk marah hanya di dalam hati dan tidak melibatkan orang lain.
 - Manakala, ada juga yang cenderung untuk marah secara lisan dengan menghamburkan kata-kata bagi kepuasan dirinya
- Ujian itu meletihkan jiwa sekiranya ADA PENOLAKAN dari dalam diri kita

- Hati-hati dengan fasa ini kerana ia cenderung menyebabkan seseorang itu marah kepada Allah dan takdir yang ditetapkan Nya, bahkan ia boleh menyebabkan akidah terpesong.

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَعْبُدُ اللَّهَ عَلَىٰ حَرْفٍ فَإِنْ أَصَابَهُ خَيْرٌ
اطْمَأَنَّ بِهِ وَإِنْ أَصَابَتْهُ فِتْنَةٌ انْقَلَبَ عَلَىٰ وَجْهِهِ خَسِرَ الدُّنْيَا
وَالْآخِرَةَ ۚ ذَلِكَ هُوَ الْخُسْرَانُ الْمُبِينُ

“Dan ada di antara manusia yang menyembah Allah dengan sikap dan pendirian yang tidak tetap, iaitu kalau ia beroleh kebaikan, senanglah hatinya dengan keadaan itu, dan kalau pula ia ditimpa fitnah kesusahan, berbaliklah ia semula (kepada kekufuran). (Dengan sikapnya itu) rugilah ia akan dunia dan akhirat, itulah kerugian yang terang nyata.” (Surah Al-Hajj, 22:11)

فَأَمَّا الْإِنْسَانُ إِذَا مَا ابْتَلَاهُ رَبُّهُ فَأَكْرَمَهُ وَنَعَّمَهُ فَيَقُولُ رَبِّي أَكْرَمَنِ

15. Adapun manusia apabila Tuhannya mengujinya lalu dia dimuliakan-Nya dan diberi-Nya kesenangan, maka dia akan berkata: "Tuhanku telah memuliakanku".

وَأَمَّا إِذَا مَا ابْتَلَاهُ فَقَدَرَ عَلَيْهِ رِزْقَهُ فَيَقُولُ رَبِّي أَهَانَنِ

16. Adapun bila Tuhannya mengujinya lalu membatasi rezekinya maka dia berkata: "Tuhanku menghinakanku". (Al Fajr)



2. SABAR DENGAN UJIAN

- Bukan mudah untuk bersabar, namun kesabaran itu boleh mengajar manusia untuk lebih kuat dan taat kepada Allah.
- Sabar itu datangnya dari hati kemudian ia akan membawa kepada perbuatan yang baik dan positif.
- Sabar itu adalah buah dari Iman

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنَازَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ **وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ**
مَعَ الصَّابِرِينَ

46. Dan taatlah kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berbantah-bantahan, yang menyebabkan kamu menjadi gentar dan hilang kekuatanmu dan bersabarlah. Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar. (Al Anfal)



وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنَازَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ وَاصْبِرُوا إِنَّ
اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

46. Dan taatlah kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berbantah-bantahan, yang menyebabkan kamu menjadi gentar dan hilang kekuatanmu dan bersabarlah. Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar. (Al Anfal)

وَاسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى الْخَاشِعِينَ

45. Jadikanlah sabar dan shalat sebagai penolongmu. Dan sesungguhnya yang demikian itu sungguh berat, kecuali bagi orang-orang yang khusyu', (Al Baqarah)



3. REDHA DENGAN SEGALA KETENTUAN ALLAH SWT

- Bila mukmin benar-benar mengenali Allah SWT dengan jalan ilmu maka dia akan meyakini Kebijaksanaan, Keadilan bahkan Maha Agungnya kasih sayang Allah SWT
- Hatinya akan tenang dan yakin semua ketentuan Allah adalah yang terbaik.

عن أنس رضي الله عنه، عَنِ النَّبِيِّ -صلى الله عليه وسلم- قَالَ «إِنَّ عِظَمَ الْجَزَاءِ مَعَ عِظَمِ الْبَلَاءِ وَإِنَّ اللَّهَ إِذَا أَحَبَّ قَوْمًا ابْتَلَاهُمْ فَمَنْ رَضِيَ فَلَهُ الرِّضَا وَمَنْ سَخِطَ فَلَهُ السَّخَطُ».

"Anas radhiyallahu 'anhu meriwayatkan bahwa Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Sesungguhnya besarnya pahala sesuai dengan besarnya ujian dan jika Allah mencintai suatu kaum Dia akan menguji mereka, siapa yang ridha maka baginya keridhaan (Allah) dan siapa yang murka maka baginya kemurkaan (Allah)." (Hadits riwayat Tirmidzi (no. 2576) dan

4. SYUKUR

- Tingkatan yang paling susah namun tidak mustahil untuk mencapainya, yaitu bersyukur dengan ujian.
- Seseorang itu yakin dan percaya bahawa ujian yang diberikan Allah adalah untuk mendekatkan dirinya kepada Allah dan mengajarkannya menjadi lebih kuat.

ما مِنْ مُصِيبَةٍ تُصِيبُ الْمُسْلِمَ إِلَّا كَفَّرَ اللَّهُ بِهَا عَنْهُ، حَتَّى الشُّوْكَةِ
يُشَاكُّهَا

“Tidaklah musibah itu menimpa seseorang muslim kecuali dengan Allah akan memberikan keampunan di atas dosa-dosanya.” (HR Bukhari, no. 5640)

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ حُمَيْدٍ الرَّازِيُّ وَيُوسُفُ بْنُ مُوسَى الْقَطَّانُ الْبَغْدَادِيُّ
قَالَا حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ مَعْرَاءَ أَبُو زُهَيْرٍ عَنِ الْأَعْمَشِ عَنْ أَبِي الزُّبَيْرِ
عَنْ جَابِرٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ أَهْلُ
الْعَافِيَةِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حِينَ يُعْطَى أَهْلُ الْبَلَاءِ الثَّوَابَ لَوْ
أَنَّ جُلُودَهُمْ كَانَتْ قُرِضَتْ فِي الدُّنْيَا بِالْمَقَارِيضِ وَهَذَا حَدِيثٌ
غَرِيبٌ لَا نَعْرِفُهُ بِهَذَا الْإِسْنَادِ إِلَّا مِنْ هَذَا الْوَجْهِ وَقَدْ رَوَى بَعْضُهُمْ هَذَا الْحَدِيثَ عَنْ
الْأَعْمَشِ عَنْ طَلْحَةَ بْنِ مُصَرِّفٍ عَنْ مَسْرُوقٍ قَوْلَهُ شَيْئًا مِنْ هَذَا

Bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Pada hari kiamat kelak ketika orang-orang yang ditimpa cubaan (saat di dunia) diberi pahala, orang-orang yang sihat dan yang diberikan keselamatan (saat di dunia) menginginkan seandainya kulit-kulit mereka dahulu ketika di dunia disayat-sayat dengan gunting." (Hadith





2024/1445H

Sumbangan Ramadhan

MAHAD TAHFIZ AD DAIE WAL DINIAH

SEMARAK
RAMADHAN



Pakej Tajaan

Tajaan Sahur :
RM10 X 45 = RM450.00

Tajaan Berbuka :
RM15 X 45 = RM675.00

Tajaan Moreh :
RM10 X 45 = RM450.00

Tajaan Bebas :
Sumbangan seikhlas hati

Tajaan Khusus



SUMBANGAN BOLEH DISALURKAN MELALUI AKAUN
MAHAD TAHFIZ AD DAIE WAL DINIAH

558060511484 **Maybank**



SENTUHAN AL QURAN

3 Qul Sebagai Asas Pembinaan Diri

Siri 02

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

(yaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka manjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingati Allah-lah hati menjadi tenteram. (Ar Ra'du: 28)





PERISAI LUARAN: AL FALAQ

Perisai Diri Dari
Kejahatan Jin &
Sihir



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ

1. Katakanlah: "Aku berlindung kepada Tuhan Yang Menguasai subuh,

مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

2. dari kejahatan makhluk-Nya,

وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ

3. dan dari kejahatan malam apabila telah gelap gulita,

وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ

4. dan dari kejahatan wanita-wanita tukang sihir yang menghembus pada buhul-buhul,

وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ

5. dan dari kejahatan pendengki bila ia dengki".

- Surah ini diturunkan selepas surah al-Fiil dan diletakkan selepas surah al-Ikhlas dalam susunan mushaf Al-Qur'an. Hampir kesemua orang Islam menghafal surah ini.
- Di dalam surah ini, kita meminta perlindungan kepada Allah daripada empat keburukan iaitu:
 1. Keburukan daripada semua ciptaan Allah (makhluk).
 2. Keburukan yang ada pada malam.
 3. Keburukan Sihir.
 4. Keburukan Hasad Dengki.





Lihat kembali susunan 4 perkara itu. Ianya adalah susunan dari yang umum kepada yang lebih khusus. Inilah yang hebatnya susunan Al-Qur'an.

1. Segala keburukan yang boleh datang daripada ciptaan Allah (makhluk) – ini memang betul-betul dalam bentuk yang umum. Ianya boleh merangkumi apa-apa sahaja dan segala benda.
2. Kemudian keburukan malam lebih khusus lagi dari segi waktu. Merujuk kepada waktu malam. Banyak kejahatan berlaku pada masa malam kerana manusia merasa terlindung kejahatannya. Begitu juga haiwan & makhluk lain, lebih aktif pada waktu malam.
3. Kemudian tentang sihir pula. Lebih khusus lagi dari segi perbuatan jahat itu. Sihir juga akan lebih berkesan pada waktu malam.
4. Yang paling khusus adalah tentang mereka yang hasad dan melakukan sesuatu dari sebab hasad dengki mereka itu.

Antara kelebihan surah ini adalah ianya dapat melindungi kita daripada sihir yang hendak dikenakan kepada kita. Ada riwayat yang menceritakan bagaimana Nabi Muhammad telah disihir. Maka sihir ini memang benar-benar ada dan boleh terjadi kepada kita. Ini ada disebut di dalam Sahih Bukhari.

٥٣٢٣ — حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ قَالَ سَمِعْتُ ابْنَ عُيَيْنَةَ يَقُولُ أَوَّلُ مَنْ حَدَّثَنَا بِهِ ابْنُ جُرَيْجٍ يَقُولُ حَدَّثَنِي آلُ عُرْوَةَ عَنْ عُرْوَةَ فَسَأَلْتُ هِشَامًا عَنْهُ فَحَدَّثَنَا عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُحْرَ حَتَّى كَانَ يَرَى أَنَّهُ يَأْتِي النِّسَاءَ وَلَا يَأْتِيَهُنَّ قَالَ سُفْيَانُ وَهَذَا أَشَدُّ مَا يَكُونُ مِنَ السِّحْرِ إِذَا كَانَ كَذَا فَقَالَ يَا عَائِشَةُ أَعْلِمْتِ أَنَّ اللَّهَ قَدْ أَفْتَانِي فِيمَا اسْتَفْتَيْتُهُ فِيهِ أَتَانِي رَجُلَانِ فَقَعَدَا أَحَدُهُمَا عِنْدَ رَأْسِي وَالْآخَرَ عِنْدَ رِجْلِي فَقَالَ الَّذِي عِنْدَ رَأْسِي لِلْآخِرِ مَا بَالُ الرَّجُلِ قَالَ مَطْبُوبٌ قَالَ وَمَنْ طَبَّهُ قَالَ لَبِيدُ بْنُ أَعْصَمٍ رَجُلٌ مِنْ بَنِي زُرَيْقٍ حَلِيفٌ لِيَهُودَ كَانَ مُنَافِقًا قَالَ وَفِيمَ قَالَ فِي مُشْطٍ وَمُشَاقَةٍ قَالَ وَأَيْنَ قَالَ فِي جُفِّ طَلْعَةٍ ذَكَرْتُ تَحْتَ رَاعُوفَةٍ فِي بئرِ ذَرَوَانَ قَالَتْ فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْبِئْرُ حَتَّى اسْتَخْرَجَهُ فَقَالَ هَذِهِ الْبِئْرُ الَّتِي أُرِيهَا وَكَأَنَّ مَاءَهَا نُقَاعَةُ الْجِنِّاءِ وَكَأَنَّ نَخْلَهَا رُءُوسُ الشَّيَاطِينِ قَالَ فَاسْتَخْرَجَ قَالَتْ فَقُلْتُ أَفَلَا أَيْ تَنْشَرَتْ فَقَالَ أَمَّا اللَّهُ فَقَدْ شَفَانِي وَأَكْرَهُ أَنْ أُثِيرَ عَلَى أَحَدٍ مِنَ النَّاسِ شَرًّا



5323. Telah menceritakan kepadaku Abdullah bin Muhammad dia berkata; saya mendengar Ibnu 'Uyainah berkata; orang yang pertama kali menceritakan kepada kami adalah Ibnu Juraij, dia berkata; telah menceritakan kepadaku keluarga 'Urwah dari 'Urwah, lalu aku bertanya kepada Hisyam tentang haditsnya, maka dia menceritakannya kepada kami dari ayahnya dari 'Aisyah radhiallahu 'anha dia berkata; bahawa Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam pernah disihir hingga seakan-akan beliau telah mendatangi para isterinya, padahal baginda tidak mendatanginya, -Sufyan mengatakan; "Bahawa keadaan seperti ini termasuk sihir yang paling berat- kemudian baginda bersabda: "Wahai Aisyah, apakah kamu mengetahui bahawa Allah telah memberikan fatwa (menghukumi) dengan apa yang telah aku fatwakan (hukumi)? Dua orang laki-laki telah datang kepadaku, lalu salah seorang dari keduanya duduk di atas kepalaku dan satunya lagi di kakiku. Kemudian seorang yang berada di kepalaku berkata kepada yang satunya; "Kenapa laki-laki ini?" Temannya menjawab; "Terkena sihir." Salah seorang darinya bertanya; "Siapakah yang menyihirnya?" Temannya menjawab; "Lubid bin Al A'sham, laki-laki dari Bani Zuraiq, seorang munafik dan menjadi sekutu orang-orang Yahudi



HUKUMAN BAGI TUKANG SIHIR !!!

hukuman bagi tukang sihir adalah di
dibunuh dengan pedang (dibunuh)".

(Hadits Mauquf Diriwayatkan Oleh
At-Tirmidzi no. 1460, al-Makim IV/360
dan ad-Daraquthni III/114)

Salah seorang darinya bertanya; “Dengan benda apakah dia menyihir?” Temannya menjawab; “Dengan rambut yang terjatuh ketika disisir.” Salah seorang darinya bertanya; “Di manakah benda itu diletakkan?” temannya menjawab; “Di mayang kurma yang diletakkan di bawah batu dalam sumur Dzarwan.” Aisyah berkata; “Kemudian Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam mendatangi sumur tersebut hingga beliau dapat mengeluarkan barang tersebut, lalu beliau bersabda: “Ini adalah sumur yang diperlihatkan padaku, seakan-akan airnya berubah bagaikan rendaman pohon inai dan seakan-akan pohon kurmanya bagaikan kepala syaitan.” Abu Hisyam berkata; “apakah beliau meminta barangnya dikeluarkan?” Aisyah berkata; Lalu aku bertanya; “Apakah anda tidak meruqyahnya?” beliau bersabda: “Tidak, sesungguhnya Allah telah menyembuhkanku dan aku hanya tidak suka memberikan kesan buruk kepada orang lain dari peristiwa itu.”



قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ

Katakanlah: “Aku berlindung kepada Tuhan waktu pagi

- Perkataan [أَعُوذُ] aku berlindung adalah isti'aazah iaitu meminta perlindungan dan berharap dan setelah itu tidak meninggalkan sedikit pun perlindungan itu. Maksudnya berharap terus dengan perlindungan itu. Kerana kalau kita tinggalkan, kita akan susah.
- Ada mufassir mengatakan yang kita bukan lagi 'meminta' perlindungan kepada Allah, tapi kita 'meletakkan' diri kita di dalam perlindungannya – bukan hendak meminta-minta lagi.

- Al-Falaq antara lain bererti waktu subuh, juga berarti makhluk secara keseluruhan. Ini mengisyaratkan kepada sesuatu yang dari Nyalah muncul wujud dan kehidupan.

إِنَّ اللَّهَ فَالِقُ الْحَبِّ وَالنَّوَى ۖ يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ
وَمُخْرِجُ الْمَيِّتِ مِنَ الْحَيِّ ۚ ذَٰلِكُمْ اللَّهُ ۖ فَأَنَّى تُؤْفَكُونَ

Sesungguhnya Allah **menumbuhkan** butir tumbuh-tumbuhan dan biji buah-buahan. Dia mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup. (Yang memiliki sifat-sifat) demikian ialah Allah, maka mengapa kamu masih berpaling? [Al An'am:95]



فَالِقُ الْإِصْبَاحِ وَجَعَلَ اللَّيْلَ سَكَنًا وَالشَّمْسَ
وَالْقَمَرَ حُسْبَانًا ۚ ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ

Dia **menyingsingkan** pagi dan menjadikan malam untuk beristirahat, dan (menjadikan) matahari dan bulan untuk perhitungan. Itulah ketentuan Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Mengetahui. [Al An'am:96]

مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ.

“Dari kejahatan makhluk-Nya” (al-Falaq: 2)

- Iaitu kejahatan semua makhluk-Nya secara mutlak dan global.
- Makhluk-makhluk itu memiliki kejelekan-kejelekan dalam bermacam-macam keadaan yang saling berhubungan satu sama lain, sebagaimana mereka juga memiliki kebaikan-kebaikan dan kemanfaatan-kemanfaatan pada keadaan-keadaan yang lain. Sedangkan, permohonan perlindungan kepada-Nya di sini dari kejelekan atau kejahatannya adalah agar kebbaikannya itu tetap eksis.
- Allah yang telah menciptakannya itu tentu berkuasa untuk mengarahkannya dan mengatur keadaan-keadaan yang dominan kebbaikannya, bukan kejahatannya.



وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ.

“dan dari kejahatan malam apabila telah gelap gulita”
(al-Falaq: 3)

- Kata: “al-ghasiq” menurut bahasa berarti yang tumpah dan yang mengalir dengan deras.
- Kata: “al-waqab” berarti galian di gunung yang mengalirkan air.
- Dan yang dimaksud di sini adalah malam dengan segala keadaannya. Malam ketika sudah tumpah lalu menggenangi daratan. Iaitu, menjadikan keadaan sedemikian mencengkam sehingga ia menakutkan. Apalagi pada saat seperti itu sangat banyak munculnya sesuatu yang tersembunyi dan tak diketahui.

- Malam adalah tempoh berkumpulnya segala kejahatan; binatang-binatang buas yang siap menerkam, mata-mata yang siap menyergap dan membunuh, musuh licik yang dapat saja melakukan sesuatu, dan binatang-binatang berbisa yang merayap mencari mangsa.
- Atau, dari was-was, bisikan-bisikan, kesusahan-kesusahan, dan kesedihan-kesedihan yang merayap pada waktu malam dan mencekik perasaan.
- Atau, dari syaithan yang merasa lebih kondusif di waktu gelap untuk melancarkan kesan-kesannya. Atau, dari syahwat yang bangkit ketika sedang sendirian dan dalam suasana gelap. Juga dari sesuatu yang tampak dan yang tersembunyi, yang merayap dan melompat, pada waktu malam apabila telah gelap gulita.



وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ.

“dan dari kejahatan wanita-wanita tukang sihir yang menghembus pada buhul-buhul” (al-Falaq: 4)

- “An-naffātsāt fil-‘uqad” adalah wanita-wanita tukang sihir yang berusaha mengganggu dan menyakiti dengan jalan menipu indera, menipu saraf, dan memberikan kesan pada jiwa dan perasaan. Mereka meniup tali-temali seperti benang atau sapu tangan, dan meniup-niup padanya seperti memintal pintalan-pintalan sihir
- Sihir itu tidak mengubah tabiat sesuatu, dan tidak menimbulkan suatu hakikat yang baru. Akan tetapi, ia hanya mengkhayalkan (menimbulkan bayangan) bagi indera dan perasaan sesuai dengan kehendak si penyihir.



- Demikianlah, tali-tali dan tongkat-tongkat tukang sihir Fir'aun, tidak berubah menjadi ular yang sebenarnya, tetapi terbayang oleh orang-orang dan Nabi Musa bahawa tali-tali itu berjalan hingga dapat menimbulkan rasa takut di dalam jiwanya. Kerana itu, datang pemantapan dari Allah sehingga tersingkaplah hakikat itu ketika tongkat Nabi Musa berubah menjadi ular dan menelan tali-tali dan tongkat-tongkat yang dijadikan alat sihir itu.
- Inilah tabiat sihir yang selayaknya kita terima (iaitu sebagai bayang-bayang sesuatu). Dengan tabiatnya ini, ia dapat berpengaruh terhadap jiwa manusia dan menimbulkan perasaan sesuai dengan arahnya, iaitu perasaan yang menakutkan mereka, mengganggu, dan mengarahkan mereka kepada yang dikehendaki oleh si tukang sihir. Sampai batas ini, kita berhenti di dalam memahami tabiat sihir dan penghembusan terhadap tali-tali. Ini merupakan kejelekan yang kita berlindung kepada Allah darinya, berlindung ke bawah pemerliharan dan perlindungan-Nya.



“Dan dari kejahatan orang yang dengki apabila ia dengki” (al-Falaq: 5)

- Hasad ialah sikap jiwa terhadap kenikmatan yang diberikan Allah kepada sebagian hamba-Nya dan menginginkan agar nikmat tersebut hilang darinya.
- Baik si ḥāsid “orang yang dengki” itu mengikuti sikap jiwannya ini dengan melakukan usaha untuk menghilangkan nikmat tersebut kerana pengaruh dendam dan kebencian maupun ia hanya berhenti sebatas sikap jiwanya saja, maka kejahatan itu dapat mengakibatkan sikap yang demikian ini.



- Kita harus mengurangkan mencari rahsia-rahsia orang lain. Kerana, di sana terdapat banyak peristiwa yang ditimbulkan oleh misteri-misteri ini dan kita tidak mampu menyingkapnya hingga sekarang.
- Masih banyak rahsia alam yang tidak kita ketahui. Di sana ada penyakit 'ain yang tidak mampu akal kita menafsir.
- Termasuk juga racun bagi hati adalah “Fudhulul Nazar”





Mutiara sirah

MENGUKUR IMAN & CINTA

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

“Katakanlah (Wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani". (Ali Imran:31)



HUBUNGAN KITA & RASULULLAH SAW

- Hubungan kita & Rasulullah SAW bukanlah sebagaimana hubungan kita dengan tokoh-tokoh sejarah yang pernah hidup & meninggal dunia setelah meninggalkan 'sedikit' sumbangan untuk peradaban kita.
- Hubungan kita & Rasulullah SAW adalah hubungan umat & Nabinya yang seharusnya dijalin dengan rasa cinta, rindu & keimanan. Bahkan mencintai Rasulullah SAW menjadi syarat kesempurnaan iman seperti yang telah kita bincangkan dalam siri yang lalu.
- Hubungan ini sentiasa segar & hidup serta sentiasa disuburkan oleh mukmin




Abu Mazaya Al-Hafiz

CINTA & SEJARAH YANG HIDUP

Sirah Riwaya Hidup Nab Muhammad

"Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan Allah dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak." (S



The Life Of Our Beloved Prophet Muhammad SAW

- Sejarah para penganjur, pemimpin, reformis, ulama', ahli fikir dan falsafah di dalam semua tamadun dan di sepanjang perkembangan sejarah. Perjalanan hidup mereka, ditulis dan tamat. Dan tidak ada lagi sebarang penambahan atau suatu yang baru.
- Ia amat berlainan sekali dengan sirah Rasulullah SAW, ia telah pun ditulis beberapa masa yang lalu, namun hingga ke hari ini masih lagi diperkatakan dengan inovasi yang penuh dengan penemuan-penemuan baru.
- Bagaikan sumber yang tidak pernah kering, sejarah hidup agung ini mendedahkan kepada akal kreatif sesuatu yang baru dan belum pernah ditemukan oleh mereka yang terdahulu... *kemampuan ini terserah kepada sejauh mana akal insan itu terhias dengan kesedaran, ikhlas, cinta dan wala' iaitu penyerahan diri.*
- Hal ini terbukti di sepanjang sejarah Islam, iaitu di dalam ruang lingkup persejarahannya. Dengan sekian banyaknya buku yang ditulis, berjilid-jilid mengenai sirah mulia ini, namun sirahnya masih memberi cetusan idea yang baru dan segar.



SYAIKH SOFIYURRAHMAN AL-MUBARAKPURI (Wafat: 2006)

الرَّحِيقُ الْمَخْتومُ Sirah NABI MUHAMMAD

Perjalanan Hidup Luar Biasa!

- Latar Belakang Tanah Arab - Nasab dan Keluarga Muhammad
- 40 Tahun Sebelum dilantik Sebagai Rasul - 13 Tahun Dakwah di Mekah
- 10 Tahun Dakwah di Madinah - Peristiwa Israk & Mikraj
- Kisah Perang dan Pengorbanan - Surat kepada Pemerintah Dunia
- Kewafatan - Sifat dan Akhlak Peribadi



E KEM TERA Sebelum P Meninggal D

keagungan yang unik

- Sekarang kita berhadapan dengan keagungan yang unik, istimewa dan berbeza. Sirah Rasulullah SAW adalah satu keunikan yang memerlukan kepada tafsiran dan olahan.
- Kisah hidup & seruan dakwah Nabi kita, bermula dari wahyunya yang ma'sum lagi terpelihara, sehinggalah kepada sunnahnya yang suci sebagai penjelasan kepada kandungan al-Qur'an.
- Kita mendapati dakwahnya terkecuali dari hukum alam seperti seruan falsafah dan perjuangan prinsip-prinsip cetusan fikiran manusia yang lain.
- Dakwah Rasulullah melalui wahyu Ilahi merupakan sebuah kitab yang terbuka, tidak pernah lekang dari keajaibannya, kitab ini mengandungi perkhabaran umat terdahulu dan umat terakhir, mengandungi fakulti-fakulti, maklumat dan juga perkhabaran masa depan yang terbukti dari semasa ke semasa. Makna-makna yang terdedah dan terbuka hakikatnya serta maklumat, kanun-kanun alam dan sosial yang tersimpan pada alam dan pada diri manusia.
- Bagaikan semua mukjizat yang silih terpamer semuanya datang dari mukjizat Ilahi dan Nabawi yang dibawa oleh Rasulullah. Mukjizat ini terus-menerus mencabar peningkar, di masa yang sama ia menambahkan ketenangan pada hati-hati orang yang beriman. ***Semangat yang bergolak dan semakin bertambah di dalam dada penganutnya merupakan satu fenomena yang unik memerlukan kepada tafsiran dan alasan.***



APAKAH RAHSIANYA?

- Apakah ulasan kepada fenomena unik ini? Apa yang membezakan serta apa yang menjadi keistimewaan kepada perjalanan sirah Rasulullah dan dakwahnya jika dibandingkan dengan sejarah tokoh-tokoh lain dan seruan mereka?
- Tentu sukar untuk menjawab secara tepat & lengkap kerana rahsia sirah Rasulullah SAW yang mampu kita fahami kini pun tersingkap sedikit demi sedikit mengikut peradaran zaman & pengalaman.
- Perjalanan hidup para penganjur, pimpinan dan reformis ditulis sejarah hidup mereka selengkapnya dengan peristiwa pensejarahannya dengan lengkap. Ini kerana perjalanan hidup mereka sebagai manusia yang hidup di alam nyata dan tidak lebih dari itu, iaitu alam yang dapat dikenali oleh akal manusia akan hakikatnya, seruan dan ajaran yang dikemukakan oleh ajaran falsafah dan doktrin, seruan reformis ciptaan manusia.
- Sedangkan perjalanan sirah Rasulullah SAW; Baginda adalah seorang manusia juga, ***namun al-Qur'an telah memberi perhatian bagi menegaskan keinsanan Baginda, maka sirahnya itu disokong oleh wahyu.***

- Sirah, dakwah, amalan dan pekertinya sebagai manusia tetap terikat dengan sifat kenabian, sebagai mana budayanya terikat dengan mukjizat yang luar biasa, ijtihad terikat dengan Ismah, bumi terikat dengan langit, relatif terikat dengan mutlak, ilmu juz'i terikat dengan ilmu syumul, alam syahadah terikat dengan alam ghaib dan yang terbatas terikat dengan yang abadi. Lantas dari ini semua sirah Rasulullah mampu membawa unsur mutlak dan abadi dan menjadikannya berupaya memberi sumbangan sepanjang zaman, kerana ia sirah yang enggan berhenti, enggan menutupi penerusannya dan enggan menanggukhan pena dari bergerak.
- Inilah keistimewaan sirah Rasul kita, berbanding dengan sirah para Nabi dan Rasul AS yang terdahulu, kerana ianya sebuah sirah kenabian penutup sekaligus risalah yang seharusnya tidak akan kekeringan dengan anugerah dan beriannya.
- Justeru itu lembarannya akan terbuka melebar dan mencabar masa, terus mendedahkan rahsia hukum-hukum alam, pengajaran, iktibar dan peringatan.
- Sedangkan risalah para nabi dan rasul terdahulu merupakan mukjizat khusus untuk satu kaum dan masa tertentu sahaja, sebagai hujah kepada kaum yang memerlukan kepada mukjizat maddi yang menakjubkan akal para penyaksinya.




- Manakala mukjizat al-Qur'an akan tetap dan terus mengerahkan akal minda manusia supaya terus berfikir sehinggalah Allah SWT menyerahkan bumi dan penduduknya kepada pemiliknya yang sebenar mengenai sirah Baginda yang mewangi dan merupakan keterangan nabawi terhadap mukjizat al-Qur'an.
- Al-Qur'an di sampingnya sirah Nabi merupakan kitab yang membentangkan pelbagai i'jaz ilmiah, nilai dan reformasi.
- Kitab yang membentuk manusia dan masyarakat nabawi sepanjang masa dan persada, sehinggalah Allah mewariskan bumi dan segala di atasnya.


Inilah sirah penutup dan khatam an-Nabiyin, iaitu pembawa syariat abadi, imam kita Ulul Azmi ... risalahnya bersifat universal... risalah dengan misinya mampu menegakkan daulah, mencipta tamadun dan menyampaikan seruan agama.



SIRAH YANG MEMBINA & MENYATUKAN

- Ajaran yang dibawa oleh Nabi SAW mempunyai keistimewaan mampu mendirikan daulah, menyatukan umat, menyusun masyarakat dan prihatin untuk mencipta dan mendirikan sesebuah tamadun.
- Negara yang dibangunkan oleh Rasulullah berperanan memelihara agama, di mana agama itu pula berperanan sebagai pencorak kepada sebuah masyarakat madani, sebagaimana dalam memberikan jaminan keabadian kepada tamadunnya yang sangat berbeza dari seluruh tamadun dunia yang lain.
- Kesempurnaan dan kesyumulan yang teradun di dalam dakwah Islam ini telah menggabungkan antara agama dan dunia, bumi dan langit, ijthad dan Ismah, agama dan Negara, dunia dan akhirat, individu dan negara, tanggung jawab individu dan tanggung jawab masyarakat, ilmu syariat dan ilmu dunia, ilmu akali dan ilmu naqli, perolehan pengalaman dan emosi, mengimani dengan kitab-kitab dan risalah-risalah terdahulu.





- Dengan berkuat-kuasanya kitab al-Qur'an, segala pembetulan dan penyempurnaan terhadap kitab-kitab dan risalah-risalah terdahulu. Kesempurnaan dan kesyumulan hanya pada dakwah Islamiyah sahaja.

Sirah Rasulullah SAW mempunyai keistimewaan kerana ia menggambarkan perjalanan seorang manusia bertaraf rasul sekaligus merupakan sejarah kemanusiaan yang paling sempurna. Kesempurnaan ini datang dari semua arah dimensinya, hingga untuk mengakhiri penulisannya seolah-olah menjadi suatu hal yang sungguh sukar.

Sebaik-Baik Insan

- Baginda merupakan seorang insan, Allah melihat Baginda miskin lantas diperkayakan, namun demikian Baginda lebih bahagia penuh kerelaan dan amat rindu untuk menjalani kehidupan sebagai golongan fakir miskin.
- Penuh kesabaran dan bertahannya Baginda menghadapi penyiksaan kaum kafir dan munafik, dalam keadaan demikian Baginda terus merasai belas kasihan kepada mereka yang pernah di suatu ketika dahulu menyakitinya dan menyiksa para sahabatnya. Baginda juga membebaskan mereka semua pada saat Baginda mencapai kemenangan mutlak ke atas mereka. Pernah Baginda berdoa agar mereka diberi hidayah pada saat kemuncak mereka menyiksa Baginda dengan harapan dari keturunan yang degil itu akan terlahir satu keturunan yang berhati lembut dan kemudian mendapat hidayah dari suluhan obor-Nya.
- Meskipun Baginda menanggung kesusahan dalam menegakkan agama, berdiri sebuah negara, mengislahkan dunia dan bebannya dengan mengubah sistem dunia. Namun yang demikian pada diri Baginda tetap terhias dengan ciri-ciri insan kamil seperti wajahnya terhias dengan senyuman, masih dapat bergurau-senda yang benar, berbual dengan para sahabatnya, berseloka dengan tetamu yang bertandang ke rumahnya, memberi khidmat kepada keluarganya, mengutamakan yang mudah dari yang sukar. Malah Baginda bersenang hati kiranya urusan agama itu dilaksanakan dalam bentuk yang di-rukhsah-kan sebagaimana Baginda suka sekiranya dilaksanakan suruhan azimah. Baginda cintakan kecantikan pada tempatnya, untuk Baginda menikmati dengannya dan mengajar manusia





SEBAIK-BAIK CONTOH

- Rasulullah SAW telah melalui berbagai fasa dalam kehidupannya, meniti hari-harinya dengan melakukan berbagai pekerjaan. Baginda pernah menjadi seorang pedagang, jual beli barangan. Pernah juga mengembala kambing yang kemudiannya menjadi pengembala (pemimpin) umat. Baginda pernah memerah susu, memperbaiki kasutnya sendiri. Baginda pernah menjadi anak yatim, pernah menjadi ayah dan pernah pula kematian anaknya. Pernah berkahwin, pernah menjadi ketua keluarga dan ketua perang.
- Ketika Allah memberikan kecukupan maka dia bersyukur, ketika kemiskinan hingga terpaksa diikatkan batu keperutnya untuk menahan kelaparan maka diapun bersabar
- Baginda kadang-kadang sakit dan sihat, ditimpa penyakit dan sembuh. Kadang-kadang menangis dan ketawa.
- Baginda adalah seorang insan dengan sejuta keistimewaan...jika kita menelusuri sirahnya, yang akan kita lihat ialah pengorbanannya, kasih sayangnya, kesabarannya, kegigihan yang tidak mengenal penat lelah dan berbagai wajah-wajah kemuliaan.
- Ini semua perlu menjadi suri teladan bagi kita untuk kita melalui kehidupan ini sebagaimana baginda pernah melaluinya; untuk kita beriman sebagaimana baginda telah beriman.



SEBAIK-BAIK UNTUK DICINTAI

- Semoga tidak ada insan yang lebih kita cintai selain Rasulullah SAW , marilah kita tanamkan kembali cinta dan rindu kita padanya supaya ianya tumbuh dan subur di dalam hati kita
 - Supaya baginda sentiasa bersama kita selamanya, di dalam jiwa dan hati kita, dalam harap dan keasaan kita. Semoga Baginda selalu hidup bersama kita dan kitapun selalu memandang baginda sebagai contoh dan ikutan kita.
 - Semoga baginda SAW sentiasa hidup di dalam nurani kita, menghiasi jiwa kita, mengisi harapan dan kecintaan kita dan membangunkan suatu keperibadian yang mulia sebagaimana yang diharapkan oleh Rasulullah SAW.
 - Semoga kerinduan kita kepadanya tak pernah padam kerana dialah manusia yang seharusnya kita rindui.
-
- Semoga cinta kita kepadanya akan kekal selama-lamanya kerana hanya dialah satu-satunya Rasul yang akan memberikan syafaat kepada kita di Akhirat nanti kerana kasih sayang kepada umatnya tak pernah akan padam dari hati insan mulia ini. Cuma kita yang kadang-kadang tidak tahu menghargai jasa yang terlalu tinggi, kasih sayang yang terlalu mendalam dan cinta yang tidak ternilai yang ada pada diri Rasulullah SAW terhadap kita umatnya.



معهد تحفيظ القرآن الكريم والدعوة
MAAHAD TAHFIZ AD-DAIE WAL DINIAH

Pengambilan PELAJAR BAHARU TAHUN 2024

PENGASAS TAHFIZ MADANI
Al-Fadhil Ustaz Abd Latif
bin Ismail



MUDIR TAHFIZ MADANI
Cikgu Azmi Bin Bahari



IMBAS UNTUK MAKLUMAT LANJUT
MENGENAI PENDAFTARAN

MODUL PEMBELAJARAN

- TAHFIZ AL-QURAN
- KAJIAN SIRAH
- MODUL KEPIMPINAN
- TADABBUR AL-QURAN
- KURIKULUM BERSEPADU DINI (KBD)
- SIJIL TAHFIZ MALAYSIA (STM)
- SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

KEMUDAHAN

- KANTIN
- DEWAN
- KELAS
- PERPUSTAKAAN
- SURAU
- KELAS HYBRID

"MEMARTABAT AL-QURAN, MENJUNJUNG SIRAH RASULULLAH SAW"

PERTANYAAN LANJUT

- ☎ 013-795 1281 (HOTLINE MADANI)
- ☎ 011-2429 1315 (PENGASAS)
- ☎ 019-474 4343 (MUDIR)

f TAHFIZ MADANI TELUK INTAN PERAK

Perkembangan Tahfiz MADANI



Maahad Tahfiz MADANI adalah satu pusat pembangunan kepimpinan masa hadapan yang memfokuskan kepada penguasaan Al-Quran dan Sirah berteraskan aqidah Ahlus Sunnah Wal Jama'ah. Pendaftaran kini dibuka untuk pengambilan pelajar sesi tahun 2024/25



- Menurut Pejabat Koordinasi Hal Ehwal Kemanusiaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNOCHA);
- Sejak Oktober, 394 rakyat Palestin, termasuk 100 kanak-kanak, telah terbunuh dan 4,528 rakyat Palestin, termasuk 702 kanak-kanak, telah cedera di Tebing Barat yang diduduki.
- Sejak Oktober, peneroka Israel melakukan 573 serangan yang ke atas rakyat Palestin dan harta benda mereka.
- Sejak Oktober, pendudukan Israel telah merobohkan 131 rumah milik rakyat Palestin di wilayah yang diduduki mengakibatkan 830 penduduk Palestin dipindahkan, termasuk 337 kanak-kanak.
- Sejak Oktober, majoriti (95%) perobohan berlaku di kem pelarian Jenin, Nur Shams dan Tulkarem di Tebing Barat yang diduduki.

22 Feb 2024



Muhammad (2 bulan) meninggal dunia hari ini di Hospital Kamal Idwan akibat kekurangan zat makanan. Israel terus memotong air dan makanan, termasuk susu formula bayi, daripada dua juta rakyat Palestin di Semenanjung Gaza.

24 Feb 2024

Teruskan
Bacaan Qunut
Nazilah Dalam
Setiap solat Kita



PALESTINE SHRINKING EXPANDING ISRAEL





Soladiriti Palestin Tahfiz
MADANI Bersama
Masyarakat Setempat



Projek Nasi Arab Tahfiz

InsyaAllah dijangka mula
beroperasi penghujung Feb
2024



ASAS DALAM PENDIDIKAN ANAK-ANAK



وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا
74. Dan orang-orang yang berkata: "Ya Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami isteri-isteri kami dan keturunan kami sebagai penyejuk hati (kami), dan jadikanlah kami imam bagi orang-orang yang bertakwa.

Untuk Jiwamu Para Pendidik

“Barangsiapa yang sengaja tidak mengajarkan apa yang bermanfaat bagi anaknya dan meninggalkannya begitu saja telah melakukan suatu kejahatan yang sangat besar. (Ibnu Qayyim Al Jauziyah)

Mengajar atau mendidik anak dengan kebenaran & kebaikan adalah satu tanggungjawab. Tidak mendidik bermakna kita membiarkan keburukan menguasainya kerana kecenderungan pada keburukan (fujur) manusia lebih kuat dari kecenderungan pada kebaikan (taqwa).

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا. فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا

7. dan jiwa serta penyempurnaannya (ciptaannya), 8. maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaannya. (As Syams)



“Anak-anak adalah salah satu unsur dari umat ini. Hanya saja ia tersembunyi dibalik tabir keanak-anakannya. Apabila tersingkapnya tabir itu maka kita akan menemui ia berdiri sebagai salah satu tiang penyangga bangunan umat ini. Akan tetapi ketentuan Allah SWT pasti berjalan, yaitu bahawa tabir tersebut tidak akan tersingkap melainkan dengan bimbingan dan pendidikan secara berkala, sedikit demi sedikit. Oleh itu, haruslah dilakukan dengan perencanaan yang matang dan bertahap” (As Syaikh Muhammad Al Khidhr)

وَاللَّهُ أَخْرَجَكُمْ مِنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ
لَكُمْ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ وَالْأَفْئِدَةَ ۗ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

78. dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu Dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun; dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati akal fikiran); supaya kamu bersyukur. (An Nahlu)

- Ketika anak-anak kita lahir mereka umpama kain putih. Hati mereka bersih namun melalui apa yang mereka dengan (السَّمْع) dan apa yang mereka lihat (الْأَبْصَار) hati (الْأَفْئِدَة) mereka mula tercorak samada tercorak dengan iman atau kekufuran.

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ
يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يَمَجِّسَانِهِ

“Setiap bayi yang lahir berada di atas fitrahnya. Lalu kedua orang tuanyalah yang menjadikan dia Yahudi, Nashrani atau Majusi.” (HR. Bukhari)

Madrasah Pertama



Rumahtangga adalah madrasah pertama bagi anak-anak & ibubapa adalah murabbinya (Pendidik). Keadaan rumahtangga menjadi penentu yang paling besar dalam pertumbuhan jiwa anak anak.

Di sinilah jiwa anak-anak kita terbina. Kegagalan atau kejayaan dalam pembinaan diri mereka bermula di sini.

Tadika, sekolah dan sebagainya adalah madrasah yang kedua

TUJUAN UMUM & ASAS PENDIDIKAN ANAK-ANAK

Tujuan pendidikan keluarga cukup jelas disebutkan dalam al Qur'an sebagaimana firman Allah SWT

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ.

Artinya: “Wahai orang-orang yang beriman ! peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu, penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, dan keras, yang tidak durhaka kepada Allah terhadap apa yang Dia perintahkan kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan. Q.S. At-Tahrim/66: 6

Berdasarkan pendapat para mufassir tentang tafsir surat al-Tahrim, pendidikan keluarga dimulai dengan memelihara diri sendiri dari api neraka dengan ibubapa menjadikan perangai dan tingkah laku mereka sebagai contoh untuk memelihara seluruh isi rumahtangganya kelak, isteri dan anak-anak.





Tujuan Untuk Kita Memiliki Zuriat Atau Anak



A close-up, profile view of a baby's face, looking upwards and to the right. The baby has large, dark eyes and a slightly open mouth, appearing curious or thoughtful. The background is a soft, out-of-focus white.

Tujuan Menentukan Jalan Atau Arah Tuju

- Perkara yang paling asas dalam pendidikan anak adalah kenapa kita berhajatkan anak atau zuriat
- Perkara ini akan menentukan keperluan-keperluan lain. Tadika mana yang kita pilih, sekolah dan universiti mana yang mereka akan pergi.
- Adakah kita
 - Inginkan anak kita berjaya dalam kerjaya?
 - Atau berkhidmat untuk kita dihari tua?



Kenapa Para Nabi Berhajatkan Anak?

BEBERAPA PANDUAN AL QUR'AN

هُنَالِكَ دَعَا زَكَرِيَّا رَبَّهُ قَالَ رَبِّ هَبْ لِي مِنْ لَدُنْكَ ذُرِّيَّةً طَيِّبَةً
إِنَّكَ سَمِيعُ الدُّعَاءِ

38. Di sanalah Zakariya mendoa kepada Tuhannya seraya berkata: "Ya Tuhanku, berilah aku dari sisi Engkau seorang **anak yang baik**. Sesungguhnya Engkau Maha Pendengar doa".
[Ali Imran]

يَرِثُنِي وَيَرِثُ مِنْ آلِ يَعْقُوبَ وَاجْعَلْهُ رَبِّ رَضِيًّا

6. yang akan **mewarisi aku** dan mewarisi sebahagian keluarga Ya'qub; dan jadikanlah ia, ya Tuhanku, seorang yang **diredhai**". [Maryam]

- Para Nabi menginginkan **anak yang baik** yang akan **menyambung kerja-kerja mengajak manusia kepada Allah SWT**



فَنَادَتْهُ الْمَلَائِكَةُ وَهُوَ قَائِمٌ يُصَلِّي فِي الْمِحْرَابِ أَنَّ اللَّهَ يُبَشِّرُكَ بِيَحْيَى
مُصَدِّقًا بِكَلِمَةٍ مِنَ اللَّهِ وَسَيِّدًا وَحَصُورًا وَنَبِيًّا مِنَ الصَّالِحِينَ

39. Kemudian Malaikat (Jibril) memanggil Zakariya, sedang ia sedang berdiri melakukan solat di mihrab (katanya): "Sesungguhnya Allah menggembirakan kamu dengan kelahiran (seorang puteramu) Yahya, yang membenarkan kalimat (yang datang) dari Allah, menjadi ikutan, menahan diri (dari hawa nafsu) dan seorang Nabi termasuk keturunan orang-orang soleh". [Maryam]

Allah mengkabulkan hajat mereka dengan dengan mengurniakan anak yang;

1. Membenarkan kebenaran yang datang dari Allah
2. Menjadi ikutan manusia kerana keperibadian mereka
3. Seorang Nabi yang akan menyambung tugas mereka





قَالَ رَبِّ إِنِّي وَهَنَ الْعَظْمُ مِنِّي وَاشْتَعَلَ الرَّأْسُ شَيْبًا وَلَمْ أَكُنْ بِدُعَائِكَ رَبِّ شَقِيًّا

4. Ia berkata "Ya Tuhanku, sesungguhnya tulangku telah lemah dan kepalaku telah ditumbuhi uban, dan aku belum pernah kecewa dalam berdoa kepada Engkau, ya Tuhanku.

وَإِنِّي خِفْتُ الْمَوَالِيَ مِنْ وَرَائِي وَكَانَتِ امْرَأَتِي عَاقِرًا فَهَبْ لِي مِنْ لَدُنْكَ وَلِيًّا

5. Dan sesungguhnya aku khawatir terhadap mawaliku sepeninggalku, sedang isteriku adalah seorang yang mandul, maka anugerahilah aku dari sisi Engkau seorang putera,

- Ayat-ayat ini menggambarkan betapa Nabi Zakaria sudah terlalu tua. Tentu dalam umur begini tidak ada hajat duniawi; inginkan anak yang akan menjaga mereka dihari tua kerana ketika anaknya besar dewasa mungkin mereka sudah tidak ada lagi di dunia atau inginkan anak mereka kaya berjaya agar mereka dapat tumpang kekayaan mereka.
- Hajat Nabi Zakaria adalah hajat yang lebih besar dari semua itu iaitu mendapat kedudukan yang paling mulia di sisi Allah dengan kerja-kerja yang paling mulia.



- Tafsir As Sa'di: Ketika Nabi Zakaria menyadari kelemahan pada dirinya dan khawatir akan meninggal, sementara belum ada orang yang menempati tugasnya untuk mendakwahi umat manusia kepada Rabb mereka dan menasihati mereka, maka beliau mengadukan kelemahan batin dan fisiknya itu kepada Rabbnya
- Tafsir Ibnu Katsir: Mujahid berkata tentang firmanNya: (yang akan mewarisi aku dan mewarisi sebagian keluarga Ya'qub) peninggalannya adalah ilmu, dan dia termasuk keturunan nabi Ya'qub.
- Diriwayatkan dari Al-Hasan iaitu mewarisi kenabian dan ilmunya.
- As-Suddi berkata iaitu mewarisi kenabianku dan kenabian keluarga nabi Ya'qub.
- Diriwayatkan dari Malik, dari Zaid bin Aslam tentang firmanNya: (dan mewarisi sebagian keluarga Ya'qub) iaitu kenabian mereka.

MUNGKIN KITA
KATA ... ITU
NABI





❖ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَىٰ آدَمَ وَنُوحًا وَآلَ إِبْرَاهِيمَ وَآلَ عِمْرَانَ عَلَى الْعَالَمِينَ

33. Sesungguhnya Allah telah memilih Adam, Nuh, keluarga Ibrahim dan keluarga 'Imran melebihi segala umat (di masa mereka masing-masing),

ذُرِّيَّةً بَعْضُهَا مِنْ بَعْضٍ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

34. (sebagai) satu keturunan yang sebagiannya (turunan) dari yang lain. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

إِذْ قَالَتِ امْرَأَتُ عِمْرَانَ رَبِّ إِنِّي نَذَرْتُ لَكَ مَا فِي بَطْنِي مُحَرَّرًا فَتَقَبَّلْ مِنِّي إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

35. (Ingatlah), ketika isteri 'Imran berkata: "Ya Tuhanku, sesungguhnya aku menazarkan kepada Engkau anak yang dalam kandunganku menjadi hamba yang saleh dan berkhidmat (di Baitul Maqdis). Karena itu terimalah (nazar) itu dari padaku. Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui". [Ali Imran]

Imran bukan seorang nabi. Namun ia menjadi keluarga pilihan kerana niat mereka yang begitu tinggi.

TUJUAN & JALAN

فَلَمَّا وَضَعَتْهَا قَالَتْ رَبِّ إِنِّي وَضَعْتُهَا أُنْثَىٰ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا وَضَعْتَ وَلَئِن كَانَ الذَّكَرُ
كَالْأُنْثَىٰ سَمَّيْتُهَا مَرْيَمَ وَإِنِّي أُعِيذُهَا بِكَ وَذُرِّيَّتَهَا مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

36. Maka tatkala isteri 'Imran melahirkan anaknya, diapun berkata: "Ya Tuhanku, sesungguhnya aku melahirkannya seorang anak perempuan; dan Allah lebih mengetahui apa yang dilahirkannya itu; dan anak laki-laki tidaklah seperti anak perempuan. Sesungguhnya aku telah menamai dia Maryam dan aku mohon perlindungan untuknya serta anak-anak keturunannya kepada (pemeliharaan) Engkau daripada syaitan yang terkutuk".

- Kerana tekadnya yang bulat dan jelas maka isteri Imran meneruskan usahanya bahkan berdoa memohon perlindungan Allah SWT




ALLAH AKAN PERKENANKAN HAJAT YANG MULIA

فَتَقَبَّلَهَا رَبُّهَا بِقَبُولٍ حَسَنٍ وَأَنْبَتَهَا نَبَاتًا حَسَنًا وَكَفَّلَهَا زَكَرِيَّا كُلَّمَا دَخَلَ عَلَيْهَا زَكَرِيَّا الْمِحْرَابَ وَجَدَ عِنْدَهَا رِزْقًا قَالَ يَا مَرْيَمُ أَنَّى لَكِ هَذَا قَالَتْ هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَرْزُقُ مَنْ يَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ

37. Maka Tuhannya menerimanya (sebagai nazar) dengan penerimaan yang baik, dan mendidiknya dengan pendidikan yang baik dan Allah menjadikan Zakariya pemeliharanya. Setiap Zakariya masuk untuk menemui Maryam di mihrab, ia dapati makanan di sisinya. Zakariya berkata: "Hai Maryam dari mana kamu memperoleh (makanan) ini?" Maryam menjawab: "Makanan itu dari sisi Allah". Sesungguhnya Allah memberi rezeki kepada siapa yang dikehendaki-Nya tanpa hisab.

- Allah menyampaikan hajatnya. Allah memilih Nabi Zakaria sebagai penjaganya. Bahkan Allah menganugerahkan berbagai keajaiban yang diluar batas kemampuan manusia.



A person is rappelling down a rope against a mountain background. The person is wearing a backpack and a red jacket. The background shows a mountain range under a bright sky.

Tujuan Tertinggi

- Anak-anak menjadi Da'ie & Murabbi
- Menjadi pendokong kebenaran yang berjuang mencapai redha Allah SWT
- Dengan cita-cita yang tertinggi ini maka semua perkara lain menjadi ringan dan mudah

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

33. Siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah, mengerjakan amal yang saleh, dan berkata: "Sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang menyerah diri?" [Fussilat]

Tajaan & Sumbangan Maahad Tahfiz Ad Daie Wal Diniah (MADANI)

Akaun Bank:



Maybank
Maybank2u.com

5580 6051 1484

Maahad Tahfiz Ad Daie Wal Diniah

Maahad Tahfiz Ad Daie Wal Diniah



Show your QR code to your friends or family to receive money

PELUANG PELABURAN AKHIRAT

Anda ingin memanfaatkan sebahagian harta untuk projek pembinaan ummah?

1. PAKEJ A: TAJAAN PEMBINAAN DAN PEMBANGUNAN- RM 350
 2. PAKEJ B: TAJAAN PEMBELAJARAN PELAJAR – RM 400 (SEBULAN)
 3. PAKEJ C: TAJAAN BIL ELEKTRIK & BIL AIR – RM 200 (SEBULAN)
 4. PAKEJ D: TAJAAN MAKANAN – RM 250 (SEBULAN)
 5. PAKEJ SEIKHLAS HATI – RM 10 atau berapa saja jumlah
- Semoga segala keprihatinan, perhatian dan sumbangan ikhlas tuan/puan ALLAH berkatinya dan membalasnya dengan sebesar-besar ganjaran, diberkati rezeki dan umur dengan keberkatan sedekah jariah ini.

“ VISI

Peneraju dalam pembinaan pemimpin berteraskan Al Quran dan Sirah serta membangunkan potensi pelajar sebagai pemimpin ummah di masa hadapan

“ MISI

Melestarikan sistem pendidikan yang bersepadu dan komprehensif bagi membangunkan keperibadian dan potensi pelajar.

“ ASPIRASI MADANI

Melahirkan Generasi Pemimpin Sohikul Qur'an & Kepimpinan Berasaskan Al Qur'an

“
Memartabatkan
Al-Quran,
Menjunjung Sirah
Rasulullah SAW

